

BAGAIMANA UNTUK MENDAPATKAN SUBSIDI PREMIUM MEDISHIELD HAYAT ANDA

Kami akan memudahkan rakyat Singapura untuk mendapatkan subsidi premium MediShield Hayat mereka.




Subsidi Generasi Perintis dan **Subsidi Peralihan** akan diberi secara automatik.

Permohonan tidak diperlukan bagi **Subsidi Premium** untuk keluarga berpendapatan rendah hingga pertengahan. Maklumat yang sedia ada di pangkalan data Pemerintah akan digunakan untuk menentukan subsidi anda. Sebilangan rakyat Singapura mungkin perlu mengesahkan maklumat mereka secara online.




Ini akan memastikan bahawa subsidi diberi kepada seramai mungkin rakyat Singapura. Hanya maklumat yang diperlukan bagi menentukan subsidi yang bakal diterima oleh diri dan keluarga anda akan digunakan. Semua maklumat akan dirahsiakan.

Apa Yang Anda Boleh Lakukan:



1 Pastikan alamat pada Kad Pengenalan (NRIC) anda dikemaskini



2 Dalam beberapa bulan akan datang, anda akan menerima surat yang meminta anda mengesahkan maklumat keluarga anda secara online

Ini bagi memastikan anda menerima jumlah subsidi yang betul. Butir-butir lanjut akan diumumkan kelak.

Jika anda mempunyai Pelan Perlindungan Bersepadu, anda juga layak menerima subsidi kerana ia akan digunakan bagi komponen MediShield Hayat dalam Pelan Perlindungan Bersepadu anda.

Pelan Perlindungan Bersepadu termasuk:

AIA HealthShield Gold Max

Aviva MyShield

NTUC Income IncomeShield

Prudential PruShield

Great Eastern SupremeHealth